

Oleh Presiden  
**Henry B. Eyring**  
Penasihat Pertama dalam  
Presidensi Utama



# Keluarga Boleh Bersama Selamanya

**K**uasa imamat untuk mengikat keluarga secara abadi adalah satu pemberian yang paling agung dari Tuhan. Setiap orang yang memahami rancangan keselamatan menginginkan berkat yang kekal ini. Hanya dalam upacara pemeteraian yang dilakukan dalam bait suci Gereja Yesus Kristus Orang Suci Zaman Akhir yang dibaktikan, Tuhan menawarkan janji bahawa keluarga boleh terikat bersama selama-lamanya

Kunci kuasa imamat yang membolehkan pemeteraian telah dipulihkan ke dunia oleh nabi Elia kepada Joseph Smith dalam Bait Suci Kirtland. Kunci imamat itu telah diturunkan dalam satu baris yang tidak terhenti melalui para nabi yang hidup dalam Gereja Yesus Kristus Orang Suci Zaman Akhir sehingga hari ini.

Juruselamat dalam misi duniawi-Nya bercakap dengan Petrus, ketua Rasul-Nya mengenai kuasa untuk memeteraikan keluarga, apabila Dia berkata, “Aku berkata kepadamu: Sesungguhnya apa yang kamu ikat di dunia ini akan terikat di syurga dan apa yang kamu lepaskan di dunia ini akan terlepas di syurga” (Matius 18:18)

Hanyalah dalam kerajaan selestial di mana kita boleh hidup dengan keluarga selamanya. Di sana kita boleh bersama keluarga dalam hadirat Bapa di Syurga dan Juruselamat. Nabi Joseph Smith menerangkan pengalaman yang indah itu dalam cara ini dalam Ajaran dan Perjanjian:

“Ketika Juruselamat akan menampakkan diri kita akan melihat-Nya seperti Dia adanya. Kita akan melihat bahawa

Dia adalah seorang manusia seperti diri kita sendiri.

Dan kebermasyarakatan yang sama itu yang ada di antara kita di sini akan ada di antara kita di sana, hanya saja itu akan digandengkan dengan kemuliaan kekal, yang kemuliaan itu sekarang tidak kita nikmati” (A&P 130:1–2).

Ayat suci ini memberikan keyakinan bahawa kita boleh mencapai matlamat untuk mempunyai standard syurgawi dalam hubungan di dalam keluarga kita. Kita boleh mengasihi keluarga kita dengan lebih lagi, yang hidup mahupun mati, untuk melakukan apa yang kita boleh untuk memberikan mereka tatacara imamat yang akan mengikat kita di syurga.

Ramai antara kamu, muda dan tua, sedang melakukannya. Kamu telah mencari nama nenek moyang yang belum lagi menerima tatacara yang boleh mengikat kamu bersama.

Hampir semua daripada kamu mempunyai saudara mara hidup yang belum dimeteraikan dalam keluarga dengan kuasa imamat. Ramai yang mempunyai saudara mara hidup yang telah menerima tatacara imamat tetapi tidak menyimpan perjanjian yang mereka telah buat dengan Tuhan. Tuhan akan memberkati kamu supaya kamu boleh membantu saudara maramu dalam iman. Kamu ada satu perjanjian yang Tuhan telah buat dengan pengikut-Nya yang membawa yang lain kepada Dia:

“Dan barang siapa menerimamu, di sana Aku akan berada juga, karena Aku akan pergi di hadapan mukamu. Aku

akan berada pada sisi kananmu dan pada sisi kirimu, dan Roh-Ku akan berada dalam hatimu, dan para malaikat-Ku di sekitarmu, untuk menopangmu.”(A&P 84:88).

Dari tingkap pejabat saya, saya boleh melihat pengantin lelaki dan perempuan mengambil gambar mereka di antara bunga yang cantik dan air pancut. Pengantin lelaki seringkali mengangkat pengantin perempuan dalam lengannya, untuk beberapa langkah, pada masa jurugambar mengambil gambar perkahwinan mereka. Setiap kali saya melihat itu, saya ingat kembali pasangan yang saya kenali yang dalam masa—yang singkat selepas perkahwinan mereka—harus mengangkat satu sama lain dalam cara yang berlainan apabila kehidupan menjadi susah. Kerja boleh hilang. Kanak-kanak boleh dilahir dengan dugaan yang besar. Kesakitan boleh datang. Kemudian, tabiat untuk melakukan kepada yang lain seperti yang kita ingin mereka lakukan kepada kita—pada masa lebih senang—akan menjadikan kita hero dan heroin dalam masa susah itu apabila ia mengambil lebih daripada apa yang kita fikir ada dalam diri kita.

Kita berhutang dengan keluarga kita, hubungan yang kita boleh bawa ke hadirat Tuhan. Kita harus cuba untuk tidak menyinggung atau tersinggung. Kita boleh menentukan untuk memaafkan dengan cepat dan penuh. Kita boleh cuba mencari kegembiraan orang lain terdahulu daripada kegembiraan diri kita. Kita boleh berhati baik dalam pertuturan kita. Apabila kita melakukan semua ini, kita akan menjemput Roh Kudus dalam keluarga kita dan ke dalam kehidupan kita.

Jaminan saya kepada kamu adalah, dengan pertolongan Tuhan dan hati yang bertaubat, kita boleh melihat sekilas pandang dalam hidup ini tentang cara hidup yang kita ingini untuk selamanya. Bapa di Syurga menyayangi kita. Dia mahu kita pulang kepada-Nya. Juruselamat, melalui kuasa Penebusan-Nya, memungkinkan penukaran dalam hati kita yang kita perlukan untuk memasuki bait suci, membuat perjanjian yang kita boleh laksanakan, dan dalam masa akan datang hidup bersama keluarga selamanya dalam kemuliaan rumah selestial —sekali lagi.

---

## MENGAJAR DARI PESANAN INI

Apabila kamu mengongsikan ajaran keluarga abadi, pertimbangkan apa yang dikatakan oleh Elder Richard G. Scott dari Kuorum Dua Belas Rasul yang

berkata: “Sentiasa berusaha untuk menguatkan keluarga. Ajar dengan visi tentang kepentingan untuk keluarga dimeteraikan dalam bait suci. . . . Apabila kamu mempunyai visi tentang tatacara Injil pemeteraian bait suci, kamu akan membantu membina kerajaan Tuhan di bumi. (“I Have Given You an Example,” *Liahona*, Mei 2014, 34). Bagaimana kamu boleh menolong mereka yang kamu ajar untuk membina visi kepentingan untuk dimeteraikan dalam bait suci? Jemput mereka yang belum dimeteraikan untuk berbincang langkah-langkah yang mereka boleh ambil ke arah tatacara itu. Jemput mereka yang telah dimeteraikan untuk berbincang cara mereka boleh menyimpan visi keluarga abadi mereka dan bekerja ke arah memperbaiki hubungan satu sama lain.

## REMAJA

### Dihubungkan Secara Abadi kepada Keluarga saya

Oleh Laura Burton

Apabila saya dijadikan anak angkat pada umur tiga tahun, ibu lahir saya membenarkan pengangkatan dilakukan hanya jika ibubapa saya setuju untuk mengadakan tatacara Gereja saya dilakukan selepas saya berumur 12. Dia fikirkan bahawa saya perlu menjadi lebih matang untuk membuat pilihan untuk diri sendiri, tetapi ia amat sukar untuk menunggu.

Ya, ia memang susah untuk melihat kawan-kawan saya dibaptiskan apabila mereka berumur lapan tahun, tetapi apa yang lebih susah adalah mengetahui bahawa saya tidak boleh dimeteraikan kepada ibubapa angkat dan lima adik beradik lebih tua saya sehingga saya berumur 12. Saya takut bahawa sesuatu akan berlaku kepada saya dan saya tidak boleh dimeteraikan kepada mereka.

Apabila hari jadi ke-12 saya semakin hampir, kami mula membuat rancangan pembaptisan dan pemeteraian saya kepada keluarga saya. Ibubapa saya membenarkan saya memilih bait suci yang kami akan dimeteraikan. Saya selalu berfikir bahawa Bait Suci San Diego California adalah yang paling cantik, jadi seluruh keluarga saya bersetuju untuk memandu ke California untuk pemeteraian.

Saya tidak boleh tunggu untuk menjadi satu keluarga abadi dengan ibubapa dan adik beradik saya. Semasa pemeteraian, saya rasa Roh Kudus dengan kuat sehingga ia amat susah untuk dikatakan dengan perkataan. Akhirnya saya telah dimeteraikan dengan keluarga saya, perasaan bimbang saya digantikan dengan keselesaan dan keamanan, dengan pengetahuan bahawa saya sekarang dihubungkan dengan mereka selama-lamanya.

*Pengarang ini tinggal di Utah, Amerika Syarikat.*

## KANAK-KANAK

### Melihat ke arah Bait Suci

**P**residen Eyring menjelaskan bahawa kerana imamat, kita mempunyai peluang untuk ke bait suci untuk dimeteraikan dengan keluarga kita secara abadi. Lukis atau cari sebuah gambar bait suci kegemaranmu dan letakkan ia di tempat kamu akan melihatnya setiap hari. Tulis satu senarai tentang bagaimana kamu akan menyediakan diri ke bait suci satu hari nanti.



# Sifat-sifat Ilahi Yesus Kristus: Hemah

*Kaji bahan pengajaran ini dan berdoa untuk mengetahui apa yang harus dikongsikan. Bagaimanakah pemahaman tentang sifat-sifat ilahi Juruselamat akan meningkatkan iman kamu dalam-Nya dan memberkati mereka yang anda awasi melalui pengajaran berkunjung? Untuk maklumat lebih lanjut, layari [reliefsociety.lds.org](http://reliefsociety.lds.org).*

*Ini sebahagian siri Pesanan Pengajaran Berkunjung tentang sifat-sifat ilahi Juruselamat.*

**B**iarlah sanubarimu juga penuh kasih amal terhadap semua orang, dan kepada kaum beriman, dan biarlah kebajikan mengisi pikiranmu dengan tidak ada hentinya; maka rasa percayamu akan menjadi kuat di hadirat Tuhan; dan ajaran keimamatan akan menitik ke atas jiwamu bagaikan embun dari langit.” (A&P 121:45).

Apakah maksud hemah? Presiden James E. Faust (1920–2007) berkata: “Hemah dalam erti sepenuhnya adalah semua sifat kebenaran yang menolong kita membentuk watak kita.”<sup>1</sup> Presiden Gordon B. Hinckley (1910–2008) berkata: “Kasih Tuhan adalah akar kepada semua hemah, semua kebaikan, kesemua kekuatan watak.”<sup>2</sup>

Tentang hubungan antara wanita dan hemah, Elder D. Todd Christofferson dari Kuorum Dua Belas Rasul berkata: “Wanita membawa dengan mereka ke dalam dunia ini sejenis hemah, satu kurnia ilahi yang membuat mereka cekap dalam menanam kualiti seperti iman, kebenaran, empati dan berpekerti dalam hubungan dan dalam budaya. . . .

“Para saudari, diantara semua hubunganmu, ia adalah hubungan kamu dengan Tuhan, Bapa di Syurgamu, yang adalah punca kuasa moral kamu, yang kamu harus sentiasa letakkan paling utama dalam hidup kamu. Ingat bahawa kuasa Yesus datang melalui kesalihan tunggal-Nya kepada kehendak Bapa. . . . Berusaha untuk menjadi pengikut Bapa dan Anak seperti itu, dan pengaruhmu tidak akan pudar.”<sup>3</sup>

## **Ayat-ayat Suci Tambahan**

Amsal 24:3–5; Filipi 4:8; 2 Petrus 1:3–5; Alma; A&P 38:23–24

## **Dari Tulisan Suci**

Hari ini, para wanita berhemah, penuh dengan iman, menjangkau kepada Penyelamat. Dalam Lukas 8 kita membaca tentang seorang wanita dengan masalah pendarahan selama 12 tahun yang tidak boleh disembuhkan. Dia mencari penyembuhan apabila dia “dari belakang menjamah jumbai jubah-Nya, dan seketika itu juga berhentilah pendarahannya. . . . Yesus berkata, “Ada orang yang menyentuh Aku. Aku tahu kerana kuasa<sup>4</sup> telah keluar daripada-Ku.” Wanita yang berhemah ini jatuh ke hadapan Dia,

mengumumkan, “kepada orang yang banyak” yang “sebabnya ia menjamah Dia” dan “seketika itu juga menjadi sembuh. Dan Dia berkata kepada wanita itu, Hai anak-Ku, imanmu telah menyelamatkan engkau, pergilah dengan selamat!” (lihat Lukas 8:43–48; lihat juga 6:17–19).

Melalui hemah-Nya,<sup>5</sup> Kristus boleh menyembuh, menjadikan, menguatkan, memberi keselesaan dan memberikan semangat apabila kita memilih dengan keberanian dan iman untuk menjangkau kepada-Nya.

## **NOTA**

1. James E. Faust, “The Virtues of Righteous Daughters of God,” *Liahona*, Mei 2003, 108.
2. Gordon B. Hinckley, “Excerpts from Recent Addresses of President Gordon B. Hinckley,” *Ensign*, Apr. 1996, 73.
3. D. Todd Christofferson, “The Moral Force of Women,” *Liahona*, Nov. 2013, 29, 31.
4. Hemah mempunyai kuasa (lihat Markus 5:30).
5. Dalam Panduan Ayat Suci, “Imamat” diberi definisi: “Kuasa yang diberikan Tuhan kepada manusia untuk melakukan semua perkara dalam penyelamatan manusia” (A&P 50:26–27).

## **Timbangkan Ini**

Bagaimanakah hemah memberi kuasa dan menguatkan kita ?